

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN  
KETUA PENGARAH  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**SEMPENA PERASMIAN SEMINAR *MALAYSIAN  
STANDARDS - VALUE CREATION FOR  
THE PLASTICS INDUSTRY***

**HOTEL EASTIN, PETALING JAYA  
PADA 7 SEPTEMBER 2015**

**YBrs. Puan Noraini S Talib**

Naib Presiden MPMA

**Tuan Haji Ahmad Khairuddin**

Pengerusi Jawatankuasa Standards Perindustrian bagi  
Plastik dan Barangan Plastik – ISC J

Tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin yang  
dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua peserta dan pembentang di atas kehadiran Tuan/ Puan ke Seminar ***Malaysian Standards - Value Creation for The Plastics Industry*** pada hari ini, yang dianjurkan oleh Jabatan Standard Malaysia.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak *Malaysian Plastics Manufacturers Association* (MPMA) di atas pengurusan seminar ini. Tidak ketinggalan juga ucapan tahniah kerana telah berjaya dilantik oleh Jabatan Standard Malaysia sebagai *Standards Development Agency* (SDA) yang ketiga bagi skop plastik dan barangan plastik mulai 21 Oktober 2014 yang lepas.

## Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seminar pada hari ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai peranan baru MPMA sebagai SDA di samping memberikan penjelasan terperinci mengenai *Malaysian Standard* (MS) berkaitan plastik dan barangan plastik. Selain itu, seminar ini juga bertindak sebagai platform untuk interaksi di antara pakar dan peserta lain bagi perkongsian dan pertukaran maklumat.

Jabatan Standard Malaysia atau lebih singkat Standards Malaysia adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), merupakan badan standard dan badan akreditasi kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Standard Malaysia 1996 setelah SIRIM diperbadankan menjadi SIRIM Berhad. Fungsi utama Standards Malaysia adalah untuk membangunkan *Malaysian Standards* dan mempromosikan penggunaannya, di samping

menjalankan aktiviti akreditasi ke atas badan penilaian pematuhan atau *conformity assessment bodies* seperti makmal pengujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia juga turut terlibat dalam pembangunan standard antarabangsa *International Organization for Standardization* (ISO), dan *International Electrotechnical Commission* (IEC) bagi memastikan standard antarabangsa yang dibangunkan mengambilkira kepentingan negara. Sehingga kini Malaysia telah menjadi ahli P (*participating*) dalam 154 jawatankuasa teknikal ISO dan 30 jawatankuasa teknikal IEC di mana Malaysia mempunyai kepentingan di dalam sektor-sektor seperti *renewable energy, energy efficiency, energy management system, nanotechnology, tourism, palm oil* dan sebagainya.

Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549) yang telah diwujudkan adalah selaras dengan halatuju Kerajaan di bawah Program Transformasi Kerajaan dan Model Ekonomi Baru bagi mengenalpasti kepentingan standard dan kualiti dalam membantu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Untuk pengetahuan para hadirin sekalian, sebelum ini kita hanya melantik syarikat SIRIM Berhad sebagai SDA tunggal bagi menjalankan kerja-kerja untuk membangunkan standard serta menyelaraskan perwakilan Malaysia dalam aktiviti penstandardan antarabangsa. Pindaan Akta Standard Malaysia pada tahun 2012 telah membolehkan Standard Malaysia melantik lebih banyak SDA bagi tujuan yang sama. Menerusi pelantikan lebih banyak SDA berdasarkan sektor yang spesifik serta diterajui oleh pakar dalam bidang masing-masing seterusnya akan meningkatkan keupayaan untuk memenuhi kehendak industri. Oleh itu, saya percaya pelantikan MPMA sebagai SDA akan

memberi impak positif terutamanya kepada industri plastik kerana proses pembangunan standard dijangka akan menjadi lebih cepat dan fokus di samping dapat membangunkan standard yang bersesuaian dengan permintaan industri. Saya amat berharap agar kerjasama di antara Standards Malaysia dan MPMA dapat mencapai matlamat negara iaitu mempertingkatkan kualiti produk dan perkhidmatan Malaysia setanding dengan peringkat antarabangsa.

Untuk pengetahuan para hadirin juga, sektor industri plastik dan komposit juga diberi perhatian oleh Kerajaan melalui Agenda *Mega Science* 3.0 di bawah Akademi Sains Malaysia (ASM). Kajian *flagship* yang kini sedang dijalankan oleh ASM bakal melihat keadaan yang bakal berlaku 35 tahun akan datang dan bagi mengenalpasti peluang Sains dan Teknologi untuk meningkatkan pembangunan Negara yang mampan (*sustainable*) dan penciptaan kekayaan (*wealth creation*). Salah satu *enablers* yang akan terus diberi penekanan adalah

*standards* dan *conformance* sebagai keperluan/rujukan oleh *stakeholders* bagi menyokong isu keselamatan, kesihatan dan persekitaran.

**Para hadirin sekalian,**

Standard memastikan produk negara adalah berkualiti dengan mematuhi peraturan keselamatan dan alam sekitar. Sektor-sektor ekonomi strategik negara kita merupakan kuasa penggerak yang signifikan bagi pertumbuhan masa hadapan dan menyumbang kepada pendapatan negara demi merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Ini adalah penting supaya lebih banyak standard berkenaan skop yang berada di bawah tanggungjawab MPMA dapat dibangunkan secepat mungkin supaya produk berkaitan boleh bersaing dengan lebih baik di peringkat global.

SDA yang dilantik juga berperanan untuk mempromosikan standard yang telah dibangunkan agar

kesedaran rakyat mengenai kepentingan standard di dalam kehidupan seharian dapat dipertingkatkan. Bagi tujuan ini, beberapa usaha lain seperti kerjasama di antara badan bukan kerajaan seperti *Malaysian Association of Standard Users* untuk menerapkan budaya kualiti sebagai satu kemestian di kalangan rakyat Malaysia telah dijalankan. Selain menjamin keselamatan pengguna, kewujudan standard juga boleh menggalakkan pihak industri untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti melalui penggunaan standard.

**Para hadirin sekalian,**

MPMA yang ditubuhkan pada tahun 1967, adalah persatuan perdagangan progresif yang merupakan suara rasmi industri plastik Malaysia. Pertubuhan ini mewakili ahli-ahlinya dan industri dalam interaksi Kerajaan, menerajui pertumbuhan industri plastik dan menyediakan

platform untuk membantu ahli-ahli untuk bersaing di peringkat global.

MPMA juga berpengalaman sebagai Standard Writing Organisation (SWO) semenjak pelantikannya oleh SIRIM Berhad pada tahun 1994. Sehingga kini, terdapat 378 MS berkaitan dengan plastik dan barangan plastik yang telah dibangunkan di mana 118 standard dibangunkan oleh MPMA.

Adalah diharapkan pada masa akan datang, lebih banyak standard-standard dapat dibangunkan selaras dengan perkembangan teknologi baru untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan industri, dan di mana sesuai, menjadi rujukan di dalam peraturan oleh pihak berkuasa bagi tujuan keselamatan dan kesejahteraan semua pihak.

Dengan pelantikan MPMA sebagai SDA, MPMA akan bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan

standard adalah mengikut pelan kerja yang telah dirancang dan dipersetujui bersama dengan Standards Malaysia. Justeru, saya mengalu-alukan penglibatan Tuan-tuan dan Puan-puan di dalam Jawatankuasa Teknikal dan Kumpulan Kerja yang diuruskan oleh MPMA agar keperluan industri dapat dipenuhi melalui aktiviti standardisasi.

### **Tuan-tuan dan Puan-puan,**

Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menjadikan seminar ini sebagai platform untuk berbincang mengenai topik-topik berkaitan standardisasi dalam bidang berkaitan plastik.

Sebagai mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir, serta jawatankuasa yang telah menjayakan seminar ini.

Semoga seminar ini dapat berjalan dengan lancar serta mencapai matlamatnya.

Dengan lafaz Bismilla hirrahma nirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan seminar '**Malaysian Standards - Value Creation for the Plastics Industry**'.

Sekian, terima kasih.